

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 13.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 13.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 13 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1223/1 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Menyembah patung berhala.
- Menyembah pokok.

1 Perbuatan di atas ialah contoh _____.

- A kufur hakikat
- B kufur nikmat
- ☒ C syirik khafi
- D syirik jali

- Kadar jenayah meningkat.
- Mengganggu ketenteraman hidup.
- Negara tidak stabil.

2 Pernyataan di atas **benar** mengenai kesan _____.

- A menipu
- ☒ B mencuri
- C memfitnah
- D menghasut

3 Pernyataan berikut adalah akibat terhadap mereka yang dituduh berzina **kecuali**

- ☒ A menjatuhkan maruah.
- B menghadapi tekanan jiwa.
- C memusnahkan masa depan.
- D menghadapi pelbagai penyakit fizikal.

- 4 Nazmi enggan menunaikan puasa bulan Ramadan kerana menganggapnya memenatkan dan sia-sia.
Nazmi mesti bertaubat kerana dia telah melakukan _____.
- A kufur hakikat
 - ☒ B kufur nikmat
 - C khurafat
 - D riddah
- 5 Pilih pernyataan yang paling **tepat** mengenai kesan perbuatan riddah.
- A Menghalang usaha pembangunan masyarakat Islam.
 - ☒ B Menjadi takbur dan berani melakukan kezaliman.
 - C Menyebabkan hubungan suami isteri terbatal.
 - D Menyekat akal berfikir secara logik.
- 6 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syarat-syarat sai.
- I Bermula dari bukit Marwah
 - II Dilakukan selepas tawaf
 - III Cukup tujuh kali
 - IV Suci daripada hadas
 - ☒ A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 7 Antara yang berikut yang manakah tempoh idah bagi perempuan yang bercerai hidup dan tidak hamil?
- A Empat bulan sepuluh hari
 - ☒ B Tiga kali suci
 - C Tiga bulan
 - D Tiada idah
- 8 Semua yang berikut adalah faktor wanita yang haram dikahwini selama-lamanya **kecuali**
- A persemendaan.
 - ☒ B penyusuan.
 - C keturunan.
 - D persaudaraan.

- 9 Apakah rukun haji yang dilaksanakan di Padang Arafah?
- ☒ A Wukuf
 - ☐ B Tawaf
 - ☐ C Sai
 - ☐ D Bercukur
- 10 Antara yang berikut yang manakah perkara yang dibolehkan semasa idah raji bagi isteri?
- ☐ A Berkahwin.
 - ☐ B Menerima pinangan.
 - ☒ C Keluar rumah atas urusan kerja.
 - ☐ D Keluar dari rumah yang disediakan oleh suami.
- 11 Antara yang berikut yang manakah **bukan** tanggungjawab anak terhadap ibu bapa?
- ☐ A Menjaga kebajikan mereka.
 - ☐ B Mentaati perintah mereka dalam semua perkara.
 - ☒ C Menunaikan wasiat mereka jika mereka meninggal dunia.
 - ☐ D Berbuat baik kepada mereka meskipun berlainan pegangan agama.
- 12 Abu Abbas Abdullah al-Saffah merupakan pengasas kerajaan _____.
- ☒ A Khulafa al-Rasyidin
 - ☐ B bani Umaiyah
 - ☐ C bani Abbasiah
 - ☐ D Uthmaniah
- 13 Apakah tindakan terbaik bagi seorang pemimpin untuk memelihara kesucian agama Islam?
- ☒ A Menegakkan hukum dan peraturan Allah SWT.
 - ☐ B Menubuhkan pusat pendidikan agama.
 - ☐ C Mencegah maksiat.
 - ☐ D Membina masjid.

14 Antara yang berikut yang manakah **bukan** adab berjual beli?

- A Penjual dan pembeli bersikap sabar dan tenang.
- B Penjual dan pembeli bersikap jujur dan ihsan.
- ☒ C Menjauhi unsur-unsur yang haram.
- D Melindungi hak tanpa paksaan.

15 Jihad dituntut dalam Islam kerana ia dapat _____.

- A melahirkan insan berwawasan
- B melahirkan individu beramanah
- ☒ C mendidik sifat jati diri yang tinggi
- D menjauhi diri daripada perkara maksiat

16 Siapakah pengasas ajaran Bahai?

- A Mirza Gulam Ahmad
- ☒ B Zaid bin Ali Zainal Abidin
- C Haji Muhammad bin Shafie
- D Husin Ali Al-Mazandarani

Barang bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

17 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.

- ☒ A sewa
- B saham
- C hutang
- D gadaian

18 Antara yang berikut yang manakah adab menziarahi jenazah?

- I Membicarakan urusan keduniaan di rumah jenazah
 - II Mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah.
 - III Membantu urusan pengkebumian jenazah
 - IV Merasa kesal terhadap kematian
- A I dan II
 - ☒ B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV


Razi menyembelih seekor ayam dengan menggunakan pisau yang tumpul.

- 19 Apakah hukum sembelihan tersebut?
- A Sunat
 - B Harus
 - C Makruh
 - ☒ D Haram
- 20 Antara yang berikut yang manakah kesan **buruk** mengamalkan ajaran sesat kepada individu?
- A Minda tertutup
 - B Berlaku keganasan
 - C Keruntuhan institusi keluarga
 - ☒ D Hubungan silaturahim tergugat

Soalan 21 hingga Soalan 24

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.


- 21 Tidak percaya kepada Allah SWT serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW ialah pengertian _____.
- 22 Dosa mengherdik ibu bapa boleh dihapuskan dengan hanya memohon keampunan daripada keduanya dan _____ kepada Allah SWT.



- 23 P dalam rajah di atas ialah _____.
- 24 Antara contoh kufur _____ ialah enggan mengeluarkan zakat.

Soalan 25 hingga Soalan 27


Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.



- 25 Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji.
- 26 Mengerjakan ibadah haji dan umrah secara serentak.
- 27 Mengerjakan amalan haji dan umrah secara berasingan sama ada melakukan umrah sebelum masuk bulan haji atau mengerjakan haji dahulu diikuti mengerjakan umrah.


- Halal dimakan.
- Mati dengan sekali sembelihan.
- Putus urat halkum dan urat merik.

- 28 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ binatang yang disembelih.
- 29 Hukum melakukan akikah ialah _____.



- 30 X dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 31 dan Soalan 32 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1


Lengkapkan Rajah 1 dengan pilihan jawapan yang disediakan.

Walimatulurus

Meminang

Bersanding


- 31 R dalam rajah di atas ialah _____.
- 32 S dalam rajah di atas ialah _____.




33 X dalam rajah di atas ialah _____.

- Boleh berlaku adil.
- Mampu dari segi jasmani dan kewangan.
- Tidak melebihi empat orang isteri dalam satu masa.

34 Pernyataan di atas merujuk kepada syarat-syarat _____.



35 Y dalam rajah di atas ialah _____.



36 Z dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 37 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

wajib	sunat	harus	makruh	haram
-------	-------	-------	--------	-------

- 37 Hukum menceraikan isteri yang sedang haid ialah _____.
- 38 Melakukan sembelihan di hadapan binatang lain yang hendak disembelih termasuk dalam perkara-perkara _____ semasa sembelihan.
- 39 Hukum memakan sebahagian daging korban bagi orang yang berkorban ialah _____.
- 40 Zaidi segera berkahwin kerana khuatir akan melakukan zina dengan pasangannya. Hukum perkahwinan tersebut ialah _____.

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan.**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Membunuh diri merupakan unsur negatif yang membawa kepada kehancuran umat.
- (i) Nyatakan maksud membunuh diri. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sebab berlakunya perbuatan membunuh diri. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** sebab Allah SWT mengharamkan perbuatan membunuh diri. [4 markah]
- (b) (i) Apakah pengertian taubat? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat agar taubat diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara orang yang bertaubat dengan orang yang tidak bertaubat. [4 markah]
- 2 (a) Sewaan merupakan satu daripada muamalat dalam Islam. Rukun sewaan ialah penyewa, pemberi sewa, bayaran sewa dan manfaat.
- (i) Nyatakan **dua** syarat pemberi sewa. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** syarat manfaat. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah diharuskan sewa. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** jenis talak dari aspek hukum. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah talak kepada pasangan suami dan isteri. [4 markah]
 - (iii) Seorang suami mentalakkan isterinya yang solehah tanpa sebab sedang isterinya dalam keadaan mengandung. Dia ingin kembali semula kepada isterinya setelah isterinya melahirkan anak.
Selesaikan permasalahan berkaitan situasi di atas berdasarkan hukum syarak. [6 markah]

- 3 (a) Khalifah-khalifah kerajaan bani Umayyah sangat mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan.
- (i) Nyatakan **dua** orang khalifah yang juga ulama dalam bidang al-Quran, tafsir, hadis dan nahu. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** institusi pendidikan yang wujud pada ketika itu. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan positif perkembangan pendidikan zaman bani Umayyah kepada bangsa Eropah. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal ialah pengasas Mazhab Hambali.
- (i) Jelaskan **dua** kehebatan beliau dalam ilmu hadis dan fikah. [2 markah]
 - (ii) Namakan **dua** hasil karya beliau. [2 markah]
- (c) Berdakwah ke jalan Allah SWT merupakan tugas yang berat menyeru manusia berbuat makruf dan mencegah mungkar.
- (i) Nyatakan **dua** sifat pendakwah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** akibat meninggalkan amar makruf nahi mungkar terhadap masyarakat. [4 markah]
 - (iii) Cadangkan cara mengatasi perkara mungkar yang berlaku di sekolah. [2 markah]
- 4 (a) Kerajaan bani Abbasiah telah melakukan beberapa pembaharuan dalam bidang ketenteraan.
- (i) Jelaskan pembaharuan tersebut. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kejayaan tentera zaman kerajaan bani Abbasiah. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun seorang tokoh sejarawan. Beliau disanjung oleh dunia dan masyarakat antarabangsa.
- (i) Nyatakan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap beliau. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan bukti Ibnu Khaldun seorang tokoh pelbagai bidang. [2 markah]
- (c) Hadiah ialah pemberian sebagai satu penghargaan atau pujian manakala sedekah ialah pemberian yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- (i) Jelaskan **dua** kelebihan memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** jenis sedekah. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** adab memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT